

DATE: 12 / 11 / 2009

Lima memorandum dimeterai

Hubungan kerjasama dua hala Malaysia, China sejak 35 tahun diperluas

BH - 12 / 11 / 09

Oleh Saufi Hamzah
dan Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Lawatan Presiden China, Hu Jintao ke Malaysia disifatkan amat berjaya dalam merapatkan lagi hubungan yang terjalin sejak 35 tahun lalu dan meningkatkan perdagangan serta pelaburan dua hala.

Kedua-dua negara bersetuju wujud harapan dan potensi besar untuk terus menjalin hubungan dua hala dalam pelbagai bidang dan mahu kerjasama itu mengambil kira aspek perdagangan dan pelaburan antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Jintao bersama 140 pegawainya mengadakan lawatan dua hari ke negara ini sempena ulang tahun ke-35 hubungan diplomatik Malaysia-China, selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke negara itu, awal Jun lalu.

Semalam, kedua-dua pihak menandatangani lima Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai bi-

dang, termasuk kewangan dan pendidikan yang disaksikan Najib dan Jianto. Terdahulu, kedua-dua pemimpin itu bertemu bagi mengadakan mesyuarat delegasi yang diadakan selama kira-kira sejam di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Memorandum berkenaan ialah:

- Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Kawal Atur Perbankan China untuk menjalin kerjasama lebih mantap mengenai pemantauan perbankan.


- Kerjasama dalam bidang pengajian tinggi.

- Kerajaan dan Beijing Enterprise Water Group (BEWG) Ltd China untuk kerjasama dalam industri perkhidmatan pembedung.

- Perjanjian tambahan kepada perjanjian pinjaman umum berkaitan penggunaan kredit pembeli keutamaan.

- Perjanjian pinjaman kredit pembeli keutamaan bagi projek Jambatan Kedua Pulau Pinang

- Perjanjian kerjasama dalam bidang pengajian tinggi.



NAJIB menyambut ketibaan Jintao di Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya, semalam.